

**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**



PEPERIKSAAN KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN

Modul II

Hukum Tajwid II

Februari 2018

Masa : 1 Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

- 1. Jawab semua soalan.*
- 2. Tulis nama dan no. kad pengenalan pada ruang yang disediakan.*
- 3. Jawapan hendaklah ditulis di atas kertas ini.*

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Kertas soalan ini mengandungi **8** halaman yang bercetak.

**[Lihat Halaman Sebelah
SULIT**

Jawab **semua** soalan.

Pilih **satu (1)** jawapan sahaja dan tandakan (✓) pada jawapan yang betul.

1. Berikan pengertian Mad pada bahasa dan istilah?
 - (a) Pada bahasa ialah panjang manakala istilah pula iaitu memanjangkan bacaan dan suara apabila berjumpa dengan huruf Mad, sukun, Hamzah dan huruf yang berbaris
 - (b) Pada bahasa ialah pendek manakala istilah pula iaitu memendekkan bacaan dan suara apabila berjumpa dengan huruf Mad, sukun Hamzah dan huruf yang berbaris
 - (c) Pada bahasa ialah pendek manakala istilah panjangkan bacaan
 - (d) Pada bahasa bermaksud tebal manakala istilah pula iaitu memanjangkan bacaan dan suara apabila berjumpa dengan huruf mad sahaja

2. Berapakah huruf Mad dan sebutkan?
 - (a) 3 iaitu huruf alif, waw dan ya'
 - (b) 2 iaitu alif dan ya'
 - (c) 4 iaitu huruf alif, waw, ha' dan ya'
 - (d) 1 iaitu waw

3. Mad terbahagi kepada dua. Sila sebutkan?
 - (a) Mad Asli dan Mad Far'i
 - (b) Mad Badal dan Lin
 - (c) Mad Aridh li-Sukun dan Mad Iwadh
 - (d) Mad Farq dan Mad Aridh li-Sukun

4. Apakah makna Mad Asli?
 - (a) Mad yang bukan disebabkan oleh Hamzah atau Sukun samada sebelum atau selepas huruf Mad dan kadar bacaannya dua harakat
 - (b) Mad yang disebabkan oleh Hamzah atau sukun samada sebelum atau selepas huruf Mad dan kadar bacaannya dua harakat
 - (c) Mad yang disebabkan oleh Hamzah atau sukun dan kadar bacaannya 4 atau lima harakat
 - (d) Mad Tambahan

5. Berikan maksud Mad Far'i?
- (a) Mad yang disebabkan oleh huruf Hamzah atau sukun samada sebelum atau selepas huruf Mad
 - (b) Mad yang bukan disebabkan oleh Hamzah atau sukun samada sebelum atau selepas huruf Mad
 - (c) Mad yang disebabkan oleh selain huruf Hamzah atau sukun samada sebelum atau selepas huruf Mad
 - (d) Mad yang dibaca dengan pendek
6. Mad Far'i **disebabkan Hamzah** terbahagi 3 Mad. Sebutkan Mad-Mad berikut?
- (a) Mad Wajib Muttasil, Mad Jaiz Munfasil dan Mad Badal
 - (b) Mad Silah Qasirah, Mad Silah Towilah dan Mad Lin
 - (c) Mad Wajib Muttasil, Mad Jaiz Munfasil dan Mad Lin
 - (d) Mad farq, Mad iwadh dan Mad Lin
7. Mad Far'i **disebabkan Sukun** terbahagi kepada 5 Mad. Sebutkan Mad-Mad berikut?
- (a) Mad Lazim Kalimi Muthaqqal, Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf, Mad Lazim Harfi Muthaqqal, Mad Lazim Harfi Mukhaffaf dan Mad Aridh li-Sukun
 - (b) Mad Wajib Muttasil, Mad Jaiz Munfasil, Mad Silah Qasirah, Mad Silah Towilah dan Mad Badal
 - (c) Mad Aridh li-Sukun, Mad Iwadh, Mad Ta'zim dan Mad Farq
 - (d) Mad Badal, Mad Iwadh, Mad Ta'zim dan Mad Farq
8. Apakah maksud al-Isymam?
- (a) Memuncungkan kedua bibir berjauhan sedikit daripada tempat keluarnya huruf tanpa mengeluarkan suara
 - (b) Merapatkan kedua bibir tanpa mengeluarkan suara
 - (c) Merenggangkan kedua bibir tanpa mengeluarkan suara
 - (d) Menebalkan bacaan

9. Berikan makna al-Raum?
- (a) Membunyikan 1/3 daripada bunyi baris ketika waqaf sehingga dapat didengari dengan bunyi perlahan yang hanya didengari dengan jarak yang dekat
 - (b) Memuncungkan kedua bibir
 - (c) Merapatkan kedua bibir
 - (d) Menebalkan bunyi
10. Apakah maksud Saktah?
- (a) Menurut bahasa iaitu menahan sesuatu, manakala menurut ilmu tajwid ialah menahan suara seketika tanpa mengambil nafas yang baru
 - (b) Menurut bahasa iaitu berhenti, manakala menurut ilmu tajwid ialah berhenti bacaan kemudian mengambil nafas yang baru
 - (c) Menurut bahasa iaitu sambung, manakala menurut ilmu tajwid ialah menyambung bacaan dengan satu nafas
 - (d) Berhenti
11. Berikan maksud Sukun Mahdhi?
- (a) Mematikan huruf terakhir seratus peratus tanpa sedikit pun dibunyikan baris ketika waqaf
 - (b) Membunyikan baris pada huruf terakhir ketika waqaf
 - (c) Memuncungkan kedua bibir
 - (d) Menghilangkan bunyi
12. Berikan pengertian Waqaf pada bahasa dan istilah?
- (a) Menurut bahasa iaitu menahan sesuatu manakala istilah ialah memutuskan atau memberhentikan suara dan nafas pada kalimah-kalimah al-Quran bertujuan untuk meneruskan bacaan dengan mengambil nafas yang baru
 - (b) Menurut bahasa iaitu menyambung bacaan manakala istilah ialah menyambung bacaan pada tempat ayat-ayat tertentu
 - (c) Menurut bahasa iaitu menyambung bacaan manakala istilah ialah menyambung bacaan ketika memerlukan
 - (d) Menurut bahasa iaitu berhenti manakala istilah ialah menyambung bacaan ketika memerlukan

13. Waqaf boleh berlaku pada akhir atau di tengah ayat. Waqaf terbahagi kepada empat bahagian. Sila terangkan pembahagian waqaf tersebut?
- (a) Waqaf Idhtirariy, Ikhtibariy, Intizoriy dan Ikhtiyari
 - (b) Waqaf Idhtirariy, Ikhtibariy, Hasan dan Qabih
 - (c) Waqaf Intizoriy, Taam, Jibril dan Ikhtiyari
 - (d) Waqaf Idhtirariy dan dan Ikhtiyari
14. Apakah pengertian **Waqaf Idhtirariy** (وقف اضطراری) ?
- (a) Iaitu Waqaf yang tidak disengajakan atau terpaksa
 - (b) Iaitu Waqaf sempurna
 - (c) Iaitu Waqaf yang elok
 - (d) Iaitu Waqaf yang sengaja
15. Apakah maksud **Waqaf Ikhtibariy** (وقف اختباری) ?
- (a) Iaitu Waqaf kerana proses pembelajaran
 - (b) Iaitu Waqaf yang buruk
 - (c) Iaitu Waqaf terpaksa
 - (d) Waqaf disengajakan
16. Berikan pengertian **Waqaf Intizoriy** (وقف انتظاری) ?
- (a) Iaitu Waqaf pada ayat atau kalimah yang terdapat padanya dua bacaan atau lebih (khilaf).
 - (b) Iaitu Waqaf untuk menyambung semula bacaan
 - (c) Iaitu Waqaf pada akhir ayat
 - (d) Iaitu Waqaf Terpaksa
17. Berikan pengertian **Waqaf Ikhtiyariy** (وقف اختباری) ?
- (a) Iaitu Waqaf pilihan yang sesuai mengikut makna ayat
 - (b) Iaitu Waqaf sempurna pada ayat dan makna
 - (c) Iaitu Waqaf yang tergantung makna dan lafaz
 - (d) Iaitu Waqaf Tam

18. Berikan pengertian **Ibtida'**?

- (a) Memulakan bacaan
- (b) Menyambungkan bacaan
- (c) Mewaqafkan bacaan
- (d) Keluar bacaan

19. Apakah maksud Tafkhim dan Tarqiq?

- (a) Tafkhim bermaksud menebalkan dan memberatkan manakala tarqiq pula ialah menipiskan dan meringankan sebutan huruf
- (b) Tafkhim bermaksud memberhentikan manakala tarqiq pula ialah menebalkan sebutan huruf
- (c) Tafkhim bermaksud menipiskan dan meringankan manakala tarqiq pula ialah menebalkan dan memberatkan sebutan huruf
- (d) Tafkhim bermaksud Panjang manakala tarqiq pula ialah pendek

20. Berapakah panjang kadar dengung **Nun** dan **Mim** bertasydid?

- (a) 2 Harakat
- (b) 3 Harakat
- (c) 1 Harakat
- (d) Tiada dengung

(60 markah)

Keluarkan hukum-hukum tajwid berdasarkan ayat-ayat al-Quran yang bergaris di bawah:

21. Firman Allah SWT:

الْم

Jawapan: _____

22. Firman Allah SWT:

أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ

Jawapan: _____

23. Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾

Jawapan: _____

24. Firman Allah SWT:

تُخَدِعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَمَا تُخَدِعُونَ إِلَّا أَنْفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٦﴾

Jawapan: _____

25. Firman Allah SWT:

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

Jawapan: _____

26. Firman Allah SWT:

فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا ۗ

Jawapan: _____

27. Firman Allah SWT:

وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ﴿١٠﴾

Jawapan: _____

28. Firman Allah SWT:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ

Jawapan: _____

29. Firman Allah SWT:

أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ وَلَكِن لَّا يَشْعُرُونَ ﴿١٢﴾

Jawapan: _____

30. Firman Allah SWT:

مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْقَدَ نَارًا

Jawapan: _____

(40 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

[Lihat Halaman Sebelah
SULIT